

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**<https://gaexcellence.com/ijepe>**KEBERKESANAN CALCULADDER TERHADAP
KEBIMBANGAN MATEMATIK DAN MOTIVASI MURID
SEKOLAH MENENGAH*****THE EFFECTIVENESS OF CALCULADDER ON MATHEMATICS ANXIETY
AND MOTIVATION OF SECONDARY SCHOOL STUDENTS***

Anis Ayuni Mohd Yusof^{1*}, W Omar Ali Saifuddin Wan Ismail², Siti Aliaa Ibrahim³, Nurul Adilah Abdul Halim⁴, Muhammad Zakir Ab Karim⁵

¹Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 anisayuni.mohdyusof@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0006-2686-1492>

²Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 woasaifuddin@unisza.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-8605-6448>

³Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 sitialiaaibrahim@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0004-7594-3043>

⁴Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 nadilah070@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0006-1330-5016>

⁵Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 muhdzakir2020@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0003-0870-5232>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 02.08.2026

Revised date: 20.08.2026

Accepted date: 02.09.2026

Published date: 15.09.2026

Abstrak:

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan Calculadder, iaitu inovasi pembelajaran berasaskan gamifikasi, terhadap motivasi, keseimbangan Matematik, penglibatan murid dan persepsi kebergunaannya dalam kalangan murid sekolah menengah. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan deskriptif yang melibatkan 314 orang murid sekolah menengah. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik yang merangkumi empat konstruk utama, iaitu motivasi,

To cite this document:

Yusof, A. A. M., Ismail, W. O. A. S. W., Ibrahim, S. A., Halim, N. A. A., & Karim, M. Z. A. (2026). Keberkesanan Calculadder Terhadap Kebimbangan Matematik Dan Motivasi Murid Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 11(64), 874-898.

DOI: 10.35631/IJEPC.1164044

keimbangan Matematik, penglibatan murid dan kebergunaan Calculadder, sebelum dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi (min = 4.12), penglibatan murid (min = 4.10) dan persepsi terhadap kebergunaan Calculadder (min = 4.08) berada pada tahap tinggi. Konstruk keimbangan Matematik turut merekodkan skor min yang tinggi (min = 3.87), menunjukkan bahawa murid berasa lebih tenang dan kurang tertekan semasa pembelajaran menggunakan Calculadder. Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan bahawa Calculadder merupakan pendekatan pembelajaran berasaskan gamifikasi yang berkesan dalam mewujudkan pengalaman pembelajaran Matematik yang lebih interaktif, menyeronokkan dan berpusatkan murid, sekali gus berpotensi meningkatkan motivasi serta mengurangkan keimbangan Matematik.

Kata Kunci:

Calculadder, Gamifikasi, Kebimbangan Matematik, Motivasi Murid, Pembelajaran Matematik

Abstract:

This study examined the effectiveness of Calculadder, a gamification-based learning innovation, in enhancing students' motivation and engagement, reducing mathematics anxiety, and evaluating its perceived usefulness among Malaysian secondary school students. A quantitative descriptive survey design was employed involving 314 secondary school students. Data were collected using a questionnaire comprising four constructs: motivation, mathematics anxiety, student engagement, and the perceived usefulness of Calculadder, and were analysed using descriptive statistics. The findings revealed high levels of motivation (mean = 4.12), student engagement (mean = 4.10), and perceived usefulness of Calculadder (mean = 4.08). Mathematics anxiety also recorded a high mean score (mean = 3.87), indicating that students felt calmer and less anxious while learning Mathematics using Calculadder. Overall, the findings demonstrate that Calculadder is an effective gamification-based learning approach that promotes a more interactive, enjoyable, and student-centred Mathematics learning environment while enhancing motivation and reducing mathematics anxiety.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepe@gaexcellence.com

Keyword:

Calculadder, Gamification, Mathematics Anxiety, Mathematics Learning, Student Motivation

Pendahuluan

Matematik merupakan salah satu mata pelajaran teras dalam sistem pendidikan yang berperanan penting dalam membangunkan kemahiran penaakulan logik, penyelesaian masalah, pemikiran kritis dan kemahiran berfikir aras tinggi. Penguasaan Matematik bukan sahaja penting untuk kecemerlangan akademik, malah menjadi asas kepada perkembangan bidang

Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang diperlukan dalam menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 dan masyarakat abad ke-21 (Setambah et al., 2021; Dicky et al., 2023). Oleh itu, usaha meningkatkan kualiti pembelajaran Matematik merupakan antara agenda penting dalam melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing.

Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memperkukuh pendidikan Matematik di Malaysia, pencapaian murid masih menunjukkan prestasi yang membimbangkan. Keputusan Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa seperti Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) dan Programme for International Student Assessment (PISA) masih berada pada tahap yang kurang memuaskan berbanding negara-negara lain (Khoo et al., 2024). Malah, laporan TIMSS 2023 menunjukkan Malaysia memperoleh skor purata 411 dalam Matematik, sekali gus menggambarkan bahawa sebahagian besar murid masih menghadapi kesukaran dalam menguasai konsep dan kemahiran asas Matematik (Abdullah, 2025). Situasi ini menunjukkan bahawa penambahbaikan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran Matematik masih perlu diperkasakan bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran serta pencapaian murid.

Antara faktor yang sering dikaitkan dengan pencapaian Matematik yang rendah ialah kebimbangan matematik dan tahap motivasi pembelajaran yang rendah. Murid yang mengalami kebimbangan matematik lazimnya berasa takut, cemas dan tertekan apabila berhadapan dengan tugas Matematik sehingga menjejaskan keyakinan diri, penglibatan dalam aktiviti pembelajaran dan pencapaian akademik mereka (Jutin & Maat, 2024; Mandhasari, 2026). Pada masa yang sama, motivasi yang rendah menyebabkan murid kurang berminat untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran, kurang berusaha menyelesaikan tugas serta mudah berputus asa apabila berhadapan dengan cabaran (Yan & Matore, 2023). Oleh itu, selain memberi perhatian kepada aspek pencapaian akademik, usaha meningkatkan motivasi dan mengurangkan kebimbangan matematik juga perlu diberi penekanan bagi mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih positif dan bermakna.

Sehubungan itu, gamifikasi dilihat sebagai salah satu pendekatan pedagogi yang berpotensi untuk meningkatkan kualiti pembelajaran Matematik. Melalui penerapan elemen permainan seperti cabaran, ganjaran, persaingan dan maklum balas segera, gamifikasi berupaya mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif, menyeronokkan dan berpusatkan murid (Jutin & Maat, 2024; Maryana et al., 2024). Pelbagai kajian terdahulu telah membuktikan bahawa gamifikasi mampu meningkatkan motivasi, penglibatan dan sikap positif murid terhadap Matematik di samping membantu mengurangkan kebimbangan matematik (Rincón-Flores et al., 2023; Zainuddin, 2023). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada penggunaan platform digital komersial atau pendekatan gamifikasi secara umum. Kajian yang membangunkan inovasi pembelajaran berasaskan gamifikasi yang disesuaikan dengan konteks bilik darjah di Malaysia serta memberi penekanan serentak terhadap aspek motivasi dan kebimbangan matematik masih terhad. Keadaan ini menunjukkan wujudnya keperluan untuk membangunkan satu inovasi pembelajaran yang lebih tersusun, mesra murid dan sesuai dengan tahap penguasaan mereka.

Bagi memenuhi keperluan tersebut, kajian ini memperkenalkan Calculadder, iaitu satu inovasi pembelajaran berasaskan gamifikasi yang diinspirasikan daripada permainan klasik Snakes and Ladders. Calculadder mengintegrasikan penyelesaian masalah Matematik ke dalam mekanisme permainan melalui penggunaan soalan yang disusun mengikut tiga tahap kesukaran

serta menggabungkan elemen fizikal dan digital bagi menyokong pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel. Berbeza daripada permainan papan konvensional, pembangunan Calculadder didorong oleh matlamat untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran Matematik yang lebih menyeronokkan, meningkatkan motivasi murid dan mengurangkan kebimbangan matematik melalui penglibatan aktif dalam aktiviti pembelajaran. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan penggunaan Calculadder terhadap kebimbangan matematik dan motivasi murid sekolah menengah.

Baki makalah ini disusun seperti berikut. Bahagian seterusnya membincangkan sorotan literatur berkaitan kebimbangan matematik, motivasi dalam pembelajaran Matematik, gamifikasi dalam pendidikan Matematik serta inovasi Calculadder. Seterusnya, bahagian metodologi menghuraikan reka bentuk kajian dan prosedur pelaksanaan, diikuti dengan pembentangan dapatan kajian dan perbincangan. Akhir sekali, bahagian penutup merumuskan dapatan utama kajian serta mengemukakan implikasi dan cadangan untuk kajian pada masa hadapan.

Sorotan Literatur

Kebimbangan Matematik

Kebimbangan matematik merupakan salah satu faktor afektif yang sering dikaitkan dengan kesukaran murid untuk menguasai Matematik. Secara umumnya, kebimbangan matematik ditakrifkan sebagai perasaan cemas, takut dan tertekan yang mengganggu keupayaan individu untuk memanipulasi nombor serta menyelesaikan masalah matematik dalam pelbagai situasi akademik dan kehidupan seharian (Dağdelen & Yıldız, 2022; Li & Palaroan, 2024). Konsep ini bukan sahaja melibatkan tindak balas emosi seperti rasa gugup, takut dan panik, malah turut merangkumi aspek kognitif seperti kebimbangan terhadap prestasi dan kegagalan ketika berhadapan dengan tugas matematik (Grimes & Gardner, 2023; Wen & Dubé, 2022; Zhang, 2022). Oleh itu, kebimbangan matematik tidak seharusnya dilihat sebagai rasa tidak suka terhadap Matematik semata-mata, tetapi sebagai keadaan psikologi yang boleh mempengaruhi proses pembelajaran seseorang murid.

Pelbagai faktor dikenal pasti menyumbang kepada pembentukan kebimbangan matematik. Antaranya ialah pengalaman pembelajaran yang negatif, tahap keyakinan diri yang rendah, amalan pengajaran yang kurang berkesan serta tekanan semasa menjalani penilaian atau peperiksaan (Dağdelen & Yıldız, 2022; Sun, 2023; Uğraş, 2025). Selain itu, sikap guru terhadap Matematik serta kaedah pengajaran yang terlalu berpusatkan guru juga didapati meningkatkan kebimbangan dalam kalangan murid (Sun, 2023). Faktor luaran seperti pengaruh keluarga, stereotaip gender dan persekitaran bilik darjah turut memainkan peranan dalam membentuk persepsi negatif terhadap Matematik (Nyakudya & Nyakudya, 2020; Uğraş, 2025). Hal ini menunjukkan bahawa kebimbangan matematik dipengaruhi oleh gabungan faktor individu, pedagogi dan persekitaran pembelajaran.

Kajian-kajian terdahulu secara konsisten menunjukkan bahawa kebimbangan matematik mempunyai hubungan negatif dengan pencapaian akademik murid (Wen & Dubé, 2022; Zhang, 2022). Murid yang mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi cenderung memperoleh pencapaian Matematik yang lebih rendah kerana kebimbangan tersebut mengganggu kapasiti memori kerja yang diperlukan untuk memproses maklumat dan menyelesaikan masalah matematik (Horne, 2022; Lucietto & Azevedo, 2021). Hubungan ini juga bersifat timbal balik,

iaitu pencapaian yang rendah akan meningkatkan lagi kebimbangan matematik, sekali gus mewujudkan kitaran negatif yang sukar diputuskan (Lucietto & Azevedo, 2021).

Sehubungan itu, pelbagai pendekatan pedagogi telah diperkenalkan bagi mengurangkan kebimbangan matematik dan mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih positif. Antaranya ialah pembelajaran berasaskan inkuiri yang didapati berjaya mengurangkan kebimbangan matematik berbanding pengajaran secara langsung (Dağdelen & Yıldız, 2022). Selain itu, pembelajaran kolaboratif turut dilaporkan mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selamat dan menyokong, sekali gus meningkatkan keseronokan belajar serta mengurangkan kebimbangan murid (Li & Palaroan, 2024). Intervensi lain seperti terapi tingkah laku kognitif (Grimes & Gardner, 2023), penggunaan contoh kerja (worked examples) (Wen & Dubé, 2022), intervensi berasaskan kognitif (Zhang, 2022), serta pendekatan berasaskan teknologi termasuk pembelajaran yang disokong kecerdasan buatan (Sun, 2023) turut dilaporkan memberikan kesan positif terhadap pengurangan kebimbangan matematik. Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran yang lebih interaktif, menyeronokkan dan berpusatkan murid berpotensi membantu mengurangkan kebimbangan matematik serta meningkatkan pengalaman pembelajaran secara keseluruhan.

Berdasarkan dapatan tersebut, jelas bahawa usaha mengurangkan kebimbangan matematik memerlukan pendekatan pengajaran yang mampu meningkatkan penglibatan aktif dan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Justeru, pendekatan berasaskan gamifikasi dilihat mempunyai potensi yang besar untuk memenuhi keperluan tersebut dan seterusnya meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran Matematik.

Motivasi dalam Pembelajaran Matematik

Motivasi merupakan antara faktor yang paling penting dalam mempengaruhi penglibatan, ketekunan dan pencapaian akademik murid dalam pembelajaran Matematik (Zhang et al., 2023). Dalam konteks pendidikan, Teori Penentuan Kendiri (Self-Determination Theory, SDT) menjelaskan bahawa motivasi boleh dibahagikan kepada dua bentuk utama, iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik (Süren & Kandemir, 2020; Tran & Nguyen, 2021; Zhang et al., 2023). Kedua-dua bentuk motivasi ini memainkan peranan dalam mempengaruhi tingkah laku pembelajaran murid, namun tahap keberkesanannya adalah berbeza bergantung kepada faktor dalaman dan luaran yang mendorong seseorang untuk belajar.

Motivasi intrinsik merujuk kepada dorongan dalaman seseorang untuk mempelajari Matematik kerana minat, keseronokan dan kepuasan yang diperoleh daripada proses pembelajaran itu sendiri (Saadati & Celis, 2022; Süren & Kandemir, 2020). Murid yang mempunyai motivasi intrinsik cenderung menyelesaikan tugas Matematik kerana mereka ingin meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tanpa bergantung kepada ganjaran luaran. Sebaliknya, motivasi ekstrinsik merujuk kepada dorongan untuk belajar yang berpunca daripada faktor luaran seperti memperoleh markah yang tinggi, menerima ganjaran, memenuhi harapan ibu bapa atau guru, serta meningkatkan peluang kerjaya pada masa hadapan (Saadati & Celis, 2022; Süren & Kandemir, 2020). Walaupun motivasi intrinsik sering dianggap lebih berkekalan dalam menyokong pembelajaran, motivasi ekstrinsik juga didapati mampu memberikan kesan positif terhadap prestasi akademik sekiranya digunakan secara bersesuaian (Asanre, 2024).

Kajian-kajian terdahulu secara konsisten menunjukkan bahawa kedua-dua bentuk motivasi mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian Matematik. Walau bagaimanapun, motivasi intrinsik didapati mempunyai pengaruh yang lebih kuat berbanding motivasi ekstrinsik (Achachagua et al., 2022; Süren & Kandemir, 2020). Achachagua et al. (2022) melaporkan bahawa motivasi intrinsik menjelaskan variasi pencapaian akademik yang lebih tinggi berbanding motivasi ekstrinsik, manakala Zhang et al. (2023) mendapati motivasi intrinsik merupakan peramal yang lebih signifikan terhadap penglibatan kognitif murid dalam pembelajaran Matematik. Dapatan ini turut disokong oleh Asanre (2024) yang menunjukkan bahawa kedua-dua jenis motivasi memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik, namun motivasi intrinsik lebih berupaya mengekalkan minat dan usaha murid dalam jangka masa panjang. Sebaliknya, murid yang mengalami amotivasi, iaitu ketiadaan dorongan untuk belajar, didapati menunjukkan pencapaian Matematik yang lebih rendah (Tran & Nguyen, 2021).

Hubungan antara motivasi dan pencapaian Matematik turut dipengaruhi oleh faktor psikologi seperti efikasi sendiri. Beberapa kajian menunjukkan bahawa murid yang mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi cenderung memiliki keyakinan yang lebih tinggi terhadap kebolehan mereka untuk menyelesaikan tugas Matematik, sekali gus meningkatkan penglibatan dan pencapaian akademik (Shen et al., 2025; Zhang et al., 2023). Sebaliknya, motivasi yang terlalu bergantung kepada ganjaran luaran didapati kurang konsisten dalam meningkatkan efikasi sendiri dan keberhasilan pembelajaran, malah dalam sesetengah keadaan boleh mengurangkan motivasi dalaman murid apabila ganjaran tersebut tidak lagi diberikan (Shen et al., 2025). Dapatan ini menunjukkan bahawa pembelajaran yang mampu membina minat, keyakinan dan pengalaman positif murid adalah lebih berkesan dalam meningkatkan motivasi secara berterusan berbanding pembelajaran yang hanya menekankan ganjaran atau pencapaian semata-mata.

Berdasarkan perbincangan tersebut, jelas bahawa motivasi, khususnya motivasi intrinsik, merupakan elemen penting dalam meningkatkan penglibatan dan pencapaian Matematik. Oleh itu, guru perlu mewujudkan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan, bermakna dan berpusatkan murid agar motivasi dapat dipupuk secara berterusan. Salah satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian dalam usaha mencapai matlamat tersebut ialah penggunaan gamifikasi dalam pembelajaran Matematik.

Gamifikasi dalam Pendidikan Matematik

Gamifikasi merujuk kepada penerapan elemen-elemen permainan dalam konteks yang bukan berasaskan permainan bagi meningkatkan motivasi, penglibatan dan pengalaman pengguna dalam sesuatu aktiviti pembelajaran (Jutin & Maat, 2024; Yiğ & Sezgin, 2021; ZEYBEK & Saygi, 2023). Dalam konteks pendidikan Matematik, pendekatan ini semakin mendapat perhatian kerana berupaya mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif, menyeronokkan dan berpusatkan murid. Melalui elemen seperti cabaran, ganjaran, persaingan, maklum balas segera dan pencapaian, gamifikasi dapat meningkatkan penglibatan aktif murid sekali gus mengubah persepsi bahawa Matematik merupakan mata pelajaran yang sukar dan membosankan.

Pelbagai kajian terdahulu telah melaporkan bahawa penggunaan gamifikasi memberikan impak positif terhadap motivasi, penglibatan dan pencapaian Matematik murid. Kajian yang menggunakan platform digital seperti Quizizz, Wordwall, Blooket dan Gimkit menunjukkan

peningkatan yang signifikan terhadap pencapaian akademik berbanding pendekatan pengajaran konvensional (Ching & Nasri, 2022; Xavier & Thankachan, 2023). Begitu juga, penggunaan permainan bukan digital seperti permainan kad matematik, aktiviti berasaskan tangram serta pendekatan penceritaan berunsurkan permainan didapati berjaya meningkatkan penguasaan konsep Matematik, penglibatan murid dan sikap positif terhadap pembelajaran (Setambah et al., 2024; Kamalodeen et al., 2021; Rahim et al., 2020). Selain itu, perkembangan teknologi turut memperluaskan aplikasi gamifikasi melalui penggunaan platform pembelajaran digital, teknologi digital twin dan bahan pembelajaran interaktif yang membolehkan pengalaman pembelajaran menjadi lebih fleksibel dan kolaboratif (Firdaus et al., 2023; Lee et al., 2023; Rincón-Flores et al., 2023).

Walaupun majoriti kajian menunjukkan dapatan yang positif, keberkesanan gamifikasi terhadap pencapaian Matematik masih menunjukkan keputusan yang tidak sepenuhnya konsisten. Beberapa kajian mendapati bahawa gamifikasi berjaya meningkatkan motivasi dan keseronokan belajar, namun tidak memberikan peningkatan yang signifikan terhadap pencapaian akademik murid (Chen et al., 2023; ÇİN, 2023). Malah, terdapat kajian yang melaporkan bahawa keberkesanan gamifikasi berbeza mengikut tahap pencapaian murid, di mana murid berprestasi sederhana dan tinggi memperoleh manfaat yang lebih besar berbanding murid berprestasi rendah (Çakıroğlu & Güler, 2021; Lee et al., 2023). Dapatan ini turut disokong oleh sorotan sistematik yang dijalankan oleh Zeybek dan Saygı (2023) serta Lam dan Tse (2022), yang merumuskan bahawa walaupun gamifikasi berpotensi meningkatkan pengalaman pembelajaran, kesannya terhadap pencapaian akademik masih memerlukan penelitian yang lebih mendalam.


Perbezaan dapatan tersebut menunjukkan bahawa keberkesanan gamifikasi bergantung kepada pelbagai faktor termasuk reka bentuk permainan, ciri-ciri murid serta konteks pelaksanaan. Beberapa penyelidik menyatakan bahawa kebanyakan kajian masih melibatkan saiz sampel yang kecil, tempoh intervensi yang singkat dan hanya menilai kesan jangka pendek (Angco, 2023; Karabıyık, 2024; Lam & Tse, 2022). Selain itu, pengalaman pembelajaran melalui gamifikasi didapati dipengaruhi oleh prestasi murid dalam permainan itu sendiri, di mana murid yang kurang berjaya berkemungkinan menunjukkan persepsi yang lebih negatif terhadap aktiviti pembelajaran tersebut (Solekhah et al., 2023). Aspek kebolehcapaian juga menjadi cabaran, khususnya dalam kalangan murid daripada latar belakang yang kurang berkemampuan yang mungkin mempunyai akses yang terhad terhadap teknologi pembelajaran (Nautwima et al., 2022). Oleh itu, keberkesanan sesuatu pendekatan gamifikasi tidak hanya bergantung kepada penggunaan elemen permainan semata-mata, tetapi juga kepada kesesuaian reka bentuk, tahap kesukaran aktiviti, keperluan murid serta konteks pembelajaran.

Berdasarkan sorotan literatur, jelas bahawa gamifikasi mempunyai potensi yang besar sebagai pendekatan pembelajaran Matematik yang mampu meningkatkan motivasi dan penglibatan murid. Walau bagaimanapun, masih terdapat keperluan untuk membangunkan inovasi gamifikasi yang bukan sahaja menyeronokkan, malah sesuai dengan tahap penguasaan murid, mudah dilaksanakan dalam bilik darjah serta mampu menyokong pengalaman pembelajaran yang lebih inklusif dan bermakna. Justeru, kajian ini memperkenalkan Calculadder sebagai satu inovasi pembelajaran berasaskan gamifikasi yang direka bentuk untuk memenuhi keperluan tersebut.

Calculadder

Calculadder merupakan satu inovasi pembelajaran berasaskan gamifikasi yang dibangunkan bagi membantu murid sekolah menengah meningkatkan motivasi serta mengurangkan kebimbangan Matematik. Inovasi ini diinspirasi daripada permainan tradisional Snakes and Ladders, namun diubah suai dengan mengintegrasikan kandungan Matematik ke dalam mekanisme permainan. Berbeza daripada permainan asal yang bergantung kepada unsur nasib, setiap pergerakan pemain ditentukan melalui keupayaan menjawab soalan Matematik, sekali gus menggalakkan pembelajaran aktif melalui penyelesaian masalah. Pendekatan ini bertujuan mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih menyenangkan, bermakna dan berpusatkan murid.

Pembangunan Calculadder mengambil kira dapatan kajian terdahulu yang menekankan bahawa keberkesanan gamifikasi bergantung kepada reka bentuk aktiviti serta pengalaman pembelajaran yang diwujudkan. Oleh itu, setiap komponen permainan direka bentuk bagi menyokong peningkatan motivasi, penglibatan aktif dan pengurangan kebimbangan Matematik. Rajah 1 menunjukkan mekanisme teoretikal yang mendasari pembangunan Calculadder.



Rajah 1: Mekanisme Teoretikal Calculadder terhadap Motivasi dan Kebimbangan Matematik

Calculadder mengekalkan peraturan asas Snakes and Ladders dengan menambah baik mekanisme permainan melalui integrasi soalan Matematik. Murid perlu menjawab soalan dengan betul sebelum dibenarkan mara, manakala jawapan yang tidak tepat menyebabkan mereka bergerak ke belakang. Permainan ini menyediakan tiga tahap kesukaran (mudah, sederhana dan sukar) yang merangkumi topik Matematik Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga bagi membolehkan guru menyesuaikan aktiviti mengikut tahap penguasaan murid.

Selain papan permainan fizikal, Calculadder turut mengintegrasikan dadu elektronik, kod QR, buku jawapan dan versi digital bagi meningkatkan fleksibiliti pelaksanaan dalam pelbagai situasi pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan bagi menggalakkan interaksi sosial, komunikasi dan pembelajaran koperatif.

Jadual 1: Ciri-ciri Inovasi Calculadder dan Rasional Pedagoginya

Ciri Inovasi	Rasional Pedagogi
Permainan berasaskan Snakes and Ladders	Mewujudkan suasana pembelajaran yang santai dan menyeronokkan.
Soalan Matematik menentukan pergerakan pemain	Menggalakkan pembelajaran aktif dan penyelesaian masalah.
Tiga tahap kesukaran (mudah, sederhana dan sukar)	Membolehkan aktiviti disesuaikan mengikut tahap penguasaan murid.
Integrasi papan fizikal, kod QR, dadu elektronik dan versi digital	Meningkatkan fleksibiliti pelaksanaan pengajaran.
Aktiviti secara berkumpulan	Menggalakkan interaksi sosial, kolaborasi, komunikasi dan pembelajaran koperatif.
Fokus terhadap motivasi dan keseimbangan matematik	Meningkatkan keyakinan murid serta mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih positif.

Sumber: Kajian Ini (2026)

Secara keseluruhannya, Calculadder menggabungkan elemen permainan, penyelesaian masalah dan kolaborasi dalam satu pendekatan pembelajaran yang disokong oleh prinsip pedagogi. Ciri-ciri inovasi ini diringkaskan dalam Jadual 1 dan menjadi asas kepada penilaian keberkesanannya terhadap motivasi dan keseimbangan Matematik dalam kajian ini.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif bagi menilai keberkesanan Calculadder sebagai pendekatan pembelajaran berasaskan gamifikasi dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan murid serta mengurangkan kebimbangan Matematik. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik berasaskan skala Likert lima mata yang diedarkan secara talian melalui Google Form kepada murid sekolah menengah yang pernah menggunakan Calculadder. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif melibatkan nilai min, kekerapan dan peratusan bagi menghuraikan persepsi responden terhadap setiap konstruk yang dikaji.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada murid sekolah menengah yang telah menggunakan Calculadder dalam pembelajaran Matematik. Pemilihan sampel dilakukan menggunakan persampelan bertujuan kerana responden dipilih berdasarkan pengalaman mereka menggunakan Calculadder. Seramai 314 orang murid telah terlibat sebagai responden kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah soal selidik yang dibangunkan menggunakan Google Form bagi menilai persepsi murid terhadap penggunaan Calculadder dalam pembelajaran Matematik. Instrumen ini mengandungi empat konstruk utama, iaitu motivasi, kebimbangan Matematik, penglibatan murid dan kebergunaan Calculadder. Kesemua item menggunakan skala Likert lima mata (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju). Sebelum digunakan, instrumen telah disemak oleh pensyarah penyelia bagi memastikan kesesuaian kandungan dan keselarasan item dengan objektif kajian.

Jadual 2: Konstruk Instrumen Kajian

Bahagian	Konstruk	Bilangan Item
A	Motivasi	4
B	Kebimbangan Matematik	4
C	Penglibatan Murid	4
D	Kebergunaan Calculadder	4

Sumber: Kajian ini (2026)

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Instrumen telah melalui semakan kandungan oleh pensyarah penyelia bagi memastikan setiap item selaras dengan objektif kajian. Bagi menilai kebolehpercayaan instrumen, analisis Cronbach's Alpha telah dijalankan menggunakan data kajian. Nilai Cronbach's Alpha bagi konstruk motivasi ialah 0.904, kebimbangan Matematik 0.867, penglibatan murid 0.866 dan kebergunaan Calculadder 0.885. Nilai kebolehpercayaan keseluruhan instrumen ialah 0.954, menunjukkan bahawa instrumen mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sangat baik dan sesuai digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3: Nilai Cronbach's Alpha bagi Setiap Konstruk

Konstruk	Bilangan Item	Cronbach's Alpha
Motivasi	4	0.904
Kebimbangan Matematik	4	0.867
Penglibatan Murid	4	0.866
Kebergunaan Calculadder	4	0.885
Keseluruhan	16	0.954

Sumber: Kajian ini (2026)

Prosedur Pengumpulan Data

Soal selidik diedarkan kepada responden melalui Google Form selepas penerangan ringkas berkaitan tujuan kajian diberikan. Responden dimaklumkan bahawa penyertaan adalah secara sukarela, segala maklumat adalah sulit dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan. Data dikumpulkan sehingga bilangan responden yang diperlukan diperoleh sebelum dianalisis.

Analisis Data

Data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics. Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan bagi menghuraikan tahap motivasi, keseimbangan Matematik, penglibatan murid serta persepsi terhadap kebergunaan Calculadder. Interpretasi skor min dibuat berdasarkan julat yang telah ditetapkan.

Jadual 4: Julat Skor Min dan Interpretasi

Julat Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Azhar Ahmad (2006)

Dapatan Kajian

Motivasi Pembelajaran Matematik (Bahagian A)

Jadual 5 memaparkan analisis deskriptif bagi konstruk motivasi murid terhadap penggunaan Calculadder dalam pembelajaran Matematik. Konstruk ini terdiri daripada empat pernyataan yang menilai persepsi murid terhadap kesan penggunaan Calculadder dalam meningkatkan motivasi pembelajaran Matematik.

Jadual 5: Julat Skor Min dan Interpretasi Bahagian A

Pernyataan	STS n (%)	TS n (%)	N n (%)	S n (%)	SS n (%)	Skor Min	Interpretasi
Calculadder menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan.	1 (0.3)	16 (5.1)	50 (15.9)	102 (32.5)	145 (46.2)	4.19	Tinggi
Saya lebih bersemangat untuk belajar Matematik apabila menggunakan Calculadder.	0 (0.0)	19 (6.1)	48 (15.3)	127 (40.4)	120 (38.2)	4.11	Tinggi
Saya lebih berminat untuk membuat ulang kaji Matematik selepas bermain Calculadder.	0 (0.0)	16 (5.1)	63 (20.1)	112 (35.7)	123 (39.2)	4.09	Tinggi
Calculadder meningkatkan motivasi saya untuk belajar Matematik.	0 (0.0)	22 (7.0)	55 (17.5)	114 (36.3)	123 (39.2)	4.08	Tinggi
Min Keseluruhan						4.12	Tinggi

Nota: STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, N = Neutral, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Sumber: Kajian ini (2026)

Secara keseluruhannya, Jadual 5 menunjukkan bahawa konstruk motivasi mencatatkan skor min keseluruhan sebanyak 4.12, iaitu pada tahap tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid memberikan persepsi yang positif terhadap penggunaan Calculadder sebagai pendekatan pembelajaran Matematik. Antara empat pernyataan yang dinilai, item "Calculadder menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan" merekodkan skor min tertinggi ($M = 4.19$), dengan seramai 247 orang murid (78.7%) menyatakan persetujuan melalui respons Setuju dan Sangat Setuju. Dapatan ini menggambarkan bahawa elemen permainan yang diterapkan dalam Calculadder berjaya mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih menyeronokkan kepada murid.

Sebaliknya, item "Calculadder meningkatkan motivasi saya untuk belajar Matematik" mencatatkan skor min terendah ($M = 4.08$). Walaupun merupakan skor terendah dalam konstruk ini, nilai tersebut masih berada pada tahap tinggi dengan 75.5% responden memberikan respons positif. Perbezaan skor min antara keempat-empat item juga adalah kecil, menunjukkan bahawa persepsi murid terhadap setiap aspek motivasi adalah agak konsisten. Selain itu, hampir semua item tidak menerima maklum balas negatif yang ketara, malah tiga daripada empat pernyataan tidak menerima sebarang respons Sangat Tidak Setuju. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa Calculadder diterima secara positif oleh murid sebagai satu pendekatan pembelajaran yang mampu meningkatkan motivasi mereka terhadap Matematik.

Kebimbangan Matematik (Bahagian B)

Jadual 6 memaparkan analisis deskriptif bagi konstruk kebimbangan Matematik selepas penggunaan Calculadder. Konstruk ini terdiri daripada empat pernyataan yang menilai persepsi murid terhadap keberkesanan Calculadder dalam membantu mengurangkan kebimbangan semasa pembelajaran Matematik.

Jadual 6: Julat Skor Min dan Interpretasi Bahagian B

Pernyataan	STS n (%)	TS n (%)	N n (%)	S n (%)	SS n (%)	Skor Min	Interpretasi
Saya berasa tidak tertekan ketika belajar matematik menggunakan Calculadder.	0 (0.0)	41 (13.1)	51 (16.2)	108 (34.4)	114 (36.3)	3.94	Sederhana Tinggi
Calculadder membantu saya berasa lebih tenang semasa menjawab soalan Matematik.	0 (0.0)	31 (9.9)	59 (18.8)	136 (43.3)	88 (28.0)	3.89	Sederhana Tinggi
Saya tidak takut melakukan kesilapan ketika bermain Calculadder.	0 (0.0)	23 (7.3)	74 (23.6)	141 (44.9)	76 (24.2)	3.86	Sederhana Tinggi
Calculadder mengurangkan rasa risau saya terhadap matematik.	4 (1.3)	32 (10.2)	84 (26.8)	107 (34.1)	87 (27.8)	3.77	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan						3.87	Sederhana Tinggi

Nota: STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, N = Neutral, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Sumber: Kajian ini (2026)

Secara keseluruhannya, Jadual 6 menunjukkan bahawa konstruk kebimbangan Matematik mencatatkan min keseluruhan sebanyak 3.87, iaitu pada tahap Sederhana Tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid memberikan persepsi yang positif terhadap penggunaan Calculadder dalam membantu mengurangkan kebimbangan mereka semasa mempelajari Matematik. Antara empat pernyataan yang dinilai, item "Saya berasa tidak tertekan ketika belajar Matematik menggunakan Calculadder" merekodkan skor min tertinggi ($M = 3.94$), dengan 70.7% responden memilih respons Setuju dan Sangat Setuju. Sebaliknya, item "Calculadder mengurangkan rasa risau saya terhadap Matematik" mencatatkan skor min terendah ($M = 3.77$), namun masih berada pada tahap Sederhana Tinggi.

Perbezaan skor min antara keempat-empat item adalah kecil, menunjukkan bahawa persepsi murid terhadap aspek kebimbangan Matematik adalah agak konsisten. Walaupun majoriti responden memberikan maklum balas positif, masih terdapat sebahagian kecil murid yang memilih kategori Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju, khususnya bagi item berkaitan pengurangan rasa risau terhadap Matematik. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa murid mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan Calculadder dalam membantu mewujudkan pengalaman pembelajaran Matematik yang lebih selesa.

Penglibatan Aktif Murid (Bahagian C)

Jadual 7 memaparkan analisis deskriptif bagi konstruk penglibatan aktif murid semasa menggunakan Calculadder. Konstruk ini terdiri daripada empat pernyataan yang menilai tahap penglibatan murid sepanjang aktiviti pembelajaran berasaskan Calculadder dijalankan.

Jadual 7: Julat Skor Min dan Interpretasi Bahagian C

Pernyataan	STS n (%)	TS n (%)	N n (%)	S n (%)	SS n (%)	Skor Min	Interpretasi
Saya aktif mengambil bahagian semasa bermain Calculadder.	6 (1.9)	18 (5.7)	55 (17.5)	102 (32.5)	133 (42.4)	4.08	Tinggi
Saya memberi tumpuan sepenuhnya semasa bermain Calculadder.	3 (1.0)	21 (6.7)	38 (12.1)	120 (38.2)	132 (42.0)	4.14	Tinggi
Saya seronok ketika bermain sehingga tidak sedar masa berlalu.	0 (0.0)	25 (8.0)	50 (15.9)	112 (35.7)	127 (40.4)	4.09	Tinggi
Saya ingin bermain Calculadder lagi pada masa akan datang.	2 (0.6)	19 (6.1)	36 (11.5)	147 (46.8)	110 (35.0)	4.10	Tinggi
Min Keseluruhan						4.10	Tinggi

Nota: STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, N = Neutral, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Sumber: Kajian ini (2026)

Secara keseluruhannya, Jadual 7 menunjukkan bahawa konstruk penglibatan aktif murid mencatatkan min keseluruhan sebanyak 4.10, iaitu pada tahap Tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid memberikan persepsi yang positif terhadap penglibatan mereka sepanjang penggunaan Calculadder dalam pembelajaran Matematik. Antara empat pernyataan yang dinilai, item "Saya memberi tumpuan sepenuhnya semasa bermain Calculadder" merekodkan skor min tertinggi ($M = 4.14$), dengan 80.2% responden memilih respons Setuju dan Sangat Setuju. Sebaliknya, item "Saya aktif mengambil bahagian semasa bermain Calculadder" mencatatkan skor min terendah ($M = 4.08$). Walaupun demikian, nilai tersebut masih berada pada tahap tinggi dengan 74.9% responden memberikan maklum balas positif.

Perbezaan skor min antara keempat-empat item adalah kecil, menunjukkan bahawa persepsi murid terhadap penglibatan aktif semasa menggunakan Calculadder adalah konsisten bagi semua aspek yang dinilai. Selain itu, majoriti responden memberikan respons Setuju dan Sangat Setuju bagi setiap pernyataan, sekali gus menggambarkan penerimaan yang positif terhadap aktiviti pembelajaran berasaskan Calculadder. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa murid melibatkan diri secara aktif sepanjang penggunaan Calculadder dalam pembelajaran Matematik.

Persepsi Kebergunaan Calculadder (Bahagian D)

Jadual 8 memaparkan analisis deskriptif bagi konstruk persepsi terhadap kebergunaan Calculadder dalam pembelajaran Matematik. Konstruk ini terdiri daripada empat pernyataan yang menilai pandangan murid terhadap keberkesanan Calculadder sebagai alat sokongan pembelajaran.

Jadual 8: Julat Skor Min dan Interpretasi Bahagian D

Pernyataan	STS n (%)	TS n (%)	N n (%)	S n (%)	SS n (%)	Skor Min	Interpretasi
Calculadder membantu saya mengukuhkan kemahiran Matematik.	2 (0.6)	30 (9.6)	71 (22.6)	119 (37.9)	92 (29.3)	3.86	Sederhana Tinggi
Permainan ini membantu saya mengingat konsep matematik dengan lebih baik.	2 (0.6)	25 (8.0)	52 (16.6)	132 (42.0)	103 (32.8)	3.98	Sederhana Tinggi
Calculadder sesuai digunakan dalam kelas Matematik.	0 (0.0)	7 (2.2)	50 (15.9)	130 (41.4)	127 (40.4)	4.20	Tinggi
Saya akan mencadangkan Calculadder kepada rakan lain.	0 (0.0)	19 (6.1)	28 (8.9)	119 (37.9)	148 (47.1)	4.26	Tinggi
Min Keseluruhan						4.08	Tinggi

Nota: STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, N = Neutral, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Sumber: Kajian ini (2026)

